teratas yang menyumbang kepada pengeluaran telur ayam/ itik iaitu masing-masing 3.0 bilion biji, 2.7 bilion biji dan 1.4 bilion biji. Selain itu, sebanyak 46.3 juta liter susu segar dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 88.7 peratus dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.9 peratus berbanding 1.1 peratus oleh pegangan pertanian individu. Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan merupakan tiga (3) negeri teratas yang menyumbang kepada pengeluaran telur ayam/ itik iaitu masing-masing 3.0 bilion biji, 2.7 bilion biji dan 1.4 bilion biji.


Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023



Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran 1,158.8 ribu tan metrik. Perak merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 298.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (180.0 ribu tan metrik) dan Kedah (131.1 ribu tan metrik).




Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran 490.7 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah 652.8 ribu ekor.



Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 6,567.5 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 18.2 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 6,549.3 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan tertinggi iaitu 1,764.6 ribu meter padu, diikuti oleh Perak (1,313.1 ribu meter padu) dan Pahang (954.2 ribu meter padu).

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 5,396.9 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 4,211.6 ribu kilogram (78.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,185.3 ribu kilogram (22.0%). Perak mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 2,320.9 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang pula masing-masing 1,246.5 ribu dan 1,086.7 ribu kilogram.



Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Jumlah kuantiti jualan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM15.11 bilion. Daripada jumlah ini, RM290.93 juta (1.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM14.82 bilion (98.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, bagi jumlah nilai jualan pada tahun 2023 adalah RM163.00 bilion. Daripada jumlah ini, RM43.36 bilion (26.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM119.64 bilion (73.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 102.0 juta tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu 95.1 juta tan metrik. Ini diikuti oleh padi dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 2.0 juta dan 1.7 juta tan metrik. Sarawak mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman

tertinggi pada tahun 2023 iaitu 22.9 juta tan metrik atau menyumbang 22.4 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Malaysia. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan RM115.97 bilion.




Paparan 15: Kuantiti Jualan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Nilai jualan bagi subsektor ternakan pada 2023 adalah RM 26.92 bilion. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM25.37 bilion (94.3%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu RM1.54 bilion (5.7%). Ternakan ayam/itik menyumbang 60.9 peratus kepada nilai jualan subsektor ini yang berjumlah RM16.40 bilion. Ini diikuti oleh jualan telur ayam/itik RM4.59 bilion (17.0%). Dua (2) kategori aktiviti ternakan ini menyumbang 77.9 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan.




Paparan 16: Kuantiti Jualan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023



Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Malaysia adalah 1,133.0 ribu tan metrik. Perak mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 298.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (179.8 ribu tan metrik) dan Kedah (131.1 ribu tan metrik). Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan RM10.90 bilion.




Paparan 17: Kuantiti Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan 475.5 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Sabah merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 233.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (57.2 ribu tan metrik) dan Pulau Pinang (39.8 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah 1,605,494.7 ribu ekor. Tiga negeri yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Johor (347,134.3 ribu ekor), diikuti oleh Perak (311,314.1 ribu ekor) dan Selangor (285,161.8 ribu ekor). Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan RM4,632.35 juta.



Paparan 18: Kuantiti Jualan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023




Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 5,981.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah 16.9 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 5,964.7 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi 1,741.9 ribu meter padu, diikuti oleh Pahang (954.2 ribu meter padu) dan Sabah (804.6 ribu meter padu).



Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 4,873.3 ribu kilogram. Sumbangan tertinggi dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 4,061.5 ribu kilogram (83.3%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 811.8 ribu kilogram (16.7%). Perak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 1,912.3 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang masing-masing 1,225.9 ribu dan 1,083.5 ribu kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan RM3,834.36 juta.



Paparan 19: Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Bagi jumlah nilai jualan pada tahun 2023 adalah RM163.00 bilion. Daripada jumlah ini, RM43.36 bilion (26.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM119.64 bilion (73.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan RM115.97 bilion.



Paparan 20: Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Nilai jualan bagi subsektor ternakan pada 2023 adalah RM 26.92 bilion. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM25.37 bilion (94.3%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu RM1.54 bilion (5.7%). Ternakan ayam/itik menyumbang 60.9 peratus


kepada nilai jualan subsektor ini yang berjumlah RM16.40 bilion. Ini diikuti oleh jualan telur ayam/itik RM4.59 bilion (17.0%). Dua (2) kategori aktiviti ternakan ini menyumbang 77.9 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan.




Paparan 21: Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023



Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Malaysia adalah 1,133.0 ribu tan metrik. Perak mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 298.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Sabah (179.8 ribu tan metrik) dan Kedah (131.1 ribu tan metrik). Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan RM10.90 bilion.




Paparan 22: Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan 475.5 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Sabah merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 233.4 ribu tan metrik, diikuti oleh Perak (57.2 ribu tan metrik) dan Pulau Pinang (39.8 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah 1,605,494.7 ribu ekor. Tiga negeri yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Johor (347,134.3 ribu ekor), diikuti oleh Perak (311,314.1 ribu ekor) dan Selangor (285,161.8 ribu ekor). Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan RM4,632.35 juta.



Paparan 23: Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023




Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 5,981.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah 16.9 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 5,964.7 ribu meter padu (99.7%). Sarawak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi 1,741.9 ribu meter padu, diikuti oleh Pahang (954.2 ribu meter padu) dan Sabah (804.6 ribu meter padu).



Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 4,873.3 ribu kilogram. Sumbangan tertinggi dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 4,061.5 ribu kilogram (83.3%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 811.8 ribu kilogram (16.7%). Perak mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 1,912.3 ribu kilogram, manakala Selangor dan Pahang masing-masing 1,225.9 ribu dan 1,083.5 ribu kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan RM3,834.36 juta.



Paparan 24: Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.6 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM186.43 bilion. Daripada jumlah ini, RM50.38 bilion (27.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM136.05 bilion (73%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM 132,062.14 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini. Pegangan pertanian individu menyumbang RM38,319.90 juta (29.0%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM93,742.24 juta (71.0%).

Paparan 25: Pendapatan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan pada 2023 berjumlah RM33.12 bilion

dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan

RM31.28 bilion (94.4%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM1.84 bilion (5.6%). Pendapatan daripada jualan ternakan hidup dan hasilan ternakan berjumlah RM26.92 bilion iaitu 81.3 peratus. Johor

mencatatkan jumlah pendapatan teratas, RM6.21 bilion diikuti oleh Negeri Sembilan dan Perak dengan masing - masing berjumlah RM5.63 bilion dan RM4.76 bilion.


Paparan 26: Pendapatan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023



Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Malaysia adalah RM11,081.71 juta. Perak merekodkan pendapatan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan

RM2,519.30 juta, diikuti oleh Sabah RM1,501.79 juta dan Kedah RM1,488.35 juta.


Paparan 27: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM4,741.77 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau adalah RM4,029.50 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih serta ikan hiasan berjumlah

RM712.28 juta. Johor mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM1,114.61 juta (23.5%), diikuti oleh Perak RM929.13 juta (19.6%) dan Pulau Pinang RM636.12 juta (13.4%).

Paparan 28: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023




Pendapatan bagi aktiviti pembalakan adalah RM5,424.59 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM47.17 juta (0.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM5,377.42 juta (99.1%).

Bagi hasil hutan bukan kayu, pendapatan yang direkodkan adalah RM68.99 juta. Sarawak merekodkan pendapatan Perhutanan & Pembalakan tertinggi dengan RM2,885.67 juta (53.2%), diikuti oleh Sabah RM808.18 juta (14.9%) dan Pahang RM642.70 juta (11.8%).



Paparan 29: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM67.89 bilion. Daripada jumlah ini, RM18.71 bilion (27.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM49.18 bilion (72.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM41,527.23 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini. Pegangan pertanian individu menyumbang RM13,473.69 juta (32.4%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM28,053.54 juta (67.6%).



Paparan 30: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Malaysia, 2023



Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM17.01 bilion dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 94.8 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 5.2 peratus oleh pegangan pertanian individu. Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan operasi yang tidak termasuk perbelanjaan gaji & upah serta harta modal. Jumlah perbelanjaan subsektor ternakan didominasi oleh tiga negeri teratas, iaitu Johor (RM3,079.21 juta), Perak (RM2,302.73 juta) dan Melaka (RM1,828.39 juta), menjadikan nilai keseluruhan subsektor ternakan bagi tahun 2023 berjumlah RM17,002.46 juta.




Paparan 31: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Malaysia, 2023



Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Malaysia bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM5,029.34 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor ini

pegangan pertanian individu menyumbang RM4,159.07 juta (82.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM870.27 juta (17.3%).


Paparan 32: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Malaysia, 2023



Secara keseluruhan, subsektor akuakultur Malaysia mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM1,760.79 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut

pegangan pertanian individu menyumbang RM187.64 juta (10.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1,573.15 juta (89.3%).


Paparan 33: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Malaysia, 2023



Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, jumlah perbelanjaan merekodkan RM2,570.85 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM5.17 juta (0.2%) manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM2,565.67 juta (99.8%). Sarawak mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1,418 juta, diikuti oleh Sabah (RM386.02 juta) dan Pahang (RM264.07 juta). Ketiga-tiga kawasan ini menyumbang 80.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan perhutanan & pembalakan Malaysia.



Paparan 34: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.9 GUNA TENAGA

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam pada tahun 2023 adalah 1,735,469 orang. Daripada jumlah ini 1,186,282 orang (68.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 549,187 orang (31.6%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Bagi merekodkan jumlah pemilik & rakan niaga yang aktif sejumlah 780,329 orang telah terlibat. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang 752,645 (96.5%), manakala pegangan

pertanian pertubuhan menyumbang 27,684 orang (3.5%). Bagi pekerja keluarga tanpa gaji, sebanyak 67,866 orang telah terlibat. Sebanyak 65,349 (96.3%) orang disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 2,517 (3.7%) orang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Bagi pekerja bergaji seramai 887,274, 368,288 (41.5%) orang direkodkan oleh pegangan pertanian individu dan sebanyak 518,986 (58.5%) orang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 35: Bilangan Guna Tenaga Bagi Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



3.10 GAJI UPAH

Jumlah purata gaji & upah tahunan bagi pegangan pertanian pada tahun 2023 adalah RM20,290 ribu. Daripada jumlah ini, RM19.7 ribu merupakan pegangan

pertanian individu, manakala RM20.7 ribu direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 36: Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



4.0 LATAR BELAKANG

Perlis terdiri daripada tiga Parlimen iaitu Kangar, Padang Besar dan Arau yang merangkumi 297.8 ribu penduduk. Kedudukan Padang Besar yang bersempadan dengan Wilayah Songkhla, Thailand memberi kelebihan kepada negeri ini apabila ia menjadi antara destinasi popular bagi rakyat Malaysia kerana terdapat pasar terbuka yang bebas beroperasi antara dua negara. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, lebih daripada 3.2 juta kemasukan pelancong direkodkan ke negeri ini sekali gus

merancakkan ekonomi penduduk setempat. Antara projek berimpak tinggi di Perlis ialah Projek Perlis Inland Port menjadi pintu masuk baharu negeri ini untuk perdagangan, khusus bagi laluan kontena yang melalui Padang Besar. Ia melibatkan pembangunan kemudahan pelabuhan pedalaman dengan kapasiti 2 juta serta pembangunan kemudahan komersial dan logistik di kawasan seluas 375 ekar untuk memenuhi pasaran eksport.


5.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, PERLIS

5.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 20,125 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Perlis. Daripada jumlah ini,

19,994 (99.3%) merupakan pegangan pertanian individu manakala 131 (0.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 37: Pegangan Pertanian, Perlis, 2023



5.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Secara keseluruhannya, profil pegangan pertanian individu di negeri Perlis pada tahun 2023 menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pegangan pertanian individu merupakan warganegara Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan pengusaha, seramai 19,993 orang (100.0%) adalah warganegara, manakala hanya 1 orang (0.0%) terdiri daripada bukan warganegara. Dari segi jantina, sektor pegangan pertanian di Perlis didominasi oleh lelaki dengan jumlah 15,006 orang (75.1%), berbanding perempuan seramai 4,988 orang (24.9%). Keadaan ini menunjukkan penglibatan lelaki masih lebih tinggi dalam aktiviti pertanian di negeri ini.

Bagi taburan umur, majoriti pegangan pertanian individu ini terdiri daripada golongan berumur 60 tahun dan ke atas, iaitu seramai 11,075 orang (55.4%), diikuti oleh kumpulan umur 46 hingga 59 tahun seramai 5,386 orang (26.9%), dan kumpulan umur 31 hingga 45 tahun mencatatkan 5,386 orang. Penglibatan golongan 15 hingga 30 tahun adalah paling rendah dengan hanya 410 orang (2.1%), menunjukkan penyertaan golongan muda dalam sektor pertanian masih terhad. Dari aspek kumpulan etnik, majoriti pengusaha terdiri daripada Bumiputera dengan jumlah 18,238 orang (91.2%). Ini diikuti oleh etnik Cina seramai

975 orang (4.9%), India seramai 218 orang (1.1%), manakala lain-lain etnik mencatatkan 562 orang (2.8%). Bagi tahap pendidikan, sebahagian besar pegangan pertanian individu mempunyai pendidikan sekolah rendah, iaitu 5,822 orang (31.9%). Seramai 7,285 orang (39.9%) mempunyai kelayakan pendidikan lebih tinggi, iaitu di peringkat menengah dan hanya sebilangan kecil iaitu 1,731 orang (9.5%) mempunyai tahap pendidikan di peringkat tertiar. Seterusnya, seramai 3,440 orang (39.9%) tidak pernah bersekolah.

Dari segi taraf perkahwinan, majoriti pegangan pertanian individu di negeri Perlis pada tahun 2023 telah berkahwin, iaitu seramai 15,069 orang (78.2%) daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu di Perlis. Selain itu, seramai 2,553 orang (13.2%) dilaporkan berstatus balu atau duda, manakala 1,445 orang (7.5%) adalah tidak pernah berkahwin. Sementara itu, hanya sebilangan kecil pengusaha iaitu 205 orang (1.0%) berada dalam kategori bercerai atau berpisah.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa sektor pegangan pertanian individu di Perlis masih didominasi oleh pengusaha berusia lebih tua, majoritinya Bumiputera serta mempunyai tahap pendidikan.

Paparan 38: Profil Pegangan Pertanian Individu, Perlis, 2023

Kewarganegaraan




Warganegara
19,993
(100.0%)




Bukan Warganegara
1
(0.0%)


Jantina




Umur




Kumpulan Etnik



Taraf Perkahwinan



Sijil Tertinggi Diperoleh



Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

5.2 TANAMAN

Subsektor tanaman merupakan salah satu komponen utama dalam sektor pertanian yang merangkumi pelbagai jenis tanaman makanan dan tanaman industri. Ia melibatkan aktiviti pengeluaran hasil bumi seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman kontan, herba, serta tanaman komoditi seperti getah, kelapa sawit, koko, kenaf dan lain-lain. Subsektor ini bukan sahaja menjadi sumber makanan domestik, malah turut menyumbang secara langsung kepada ekonomi negara melalui eksport produk pertanian dan penglibatan dalam rantai nilai agro-makanan. Kepentingan subsektor tanaman tidak dapat dinafikan kerana ia berperanan besar dalam memastikan sekuriti makanan negara, menjana pendapatan kepada petani dan pekebun kecil, serta menyediakan peluang pekerjaan di


kawasan luar bandar. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif seperti Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) untuk memperkasa pembangunan sektor ini. Dalam konteks Perlis, subsektor tanaman memainkan peranan yang amat penting dalam struktur sosioekonomi negeri. Walaupun keluasan tanah pertanian negeri ini adalah terhad, namun pelbagai jenis tanaman telah diusahakan secara komersial mahupun berskala kecil, meliputi tanaman padi, getah, buah-buahan dan kelapa sawit. Aktiviti pertanian berasaskan tanaman ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pengusaha, malah turut menyokong pertumbuhan sektor hiliran dan pembangunan luar bandar.

5.2.1 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam di Perlis pada tahun 2023 adalah seluas 62.6 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 60.0 ribu hektar

diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 2.6 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 39: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Perlis, 2023




5.2.2 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Perlis merekodkan 54.4 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas

53.2 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 1.2 ribu hektar.

Paparan 40: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Perlis, 2023




5.2.3 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran Perlis bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 222.1 ribu tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 202.3 ribu tan metrik diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala baki 19.8 ribu tan metrik

diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman padi merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 186.6 ribu tan metrik, diikuti oleh kelapa sawit (15.7 ribu tan metrik) dan buah-buahan (6.2 ribu tan metrik). Perlis yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman 222.1 ribu tan metrik telah menyumbang sebanyak 0.22 peratus kepada pengeluaran tanaman di Malaysia.



Paparan 41: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Perlis, 2023



5.2.4 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan Perlis bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 195.3 ribu tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 175.9 ribu tan metrik diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 19.4 ribu tan metrik diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh tanaman padi iaitu 162.8 ribu tan metrik, diikuti oleh kelapa sawit dan getah dengan masing-masing mengeluarkan 15.7 ribu dan 4.9 ribu tan metrik.

Sementara itu, nilai jualan Perlis bagi subsektor tanaman direkodkan RM348.87 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang RM316.07 juta (90.6%) kepada nilai jualan sektor tanaman di Perlis dan selebihnya oleh pegangan pertanian pertubuhan RM32.80


juta (9.4%). Nilai jualan bagi sektor tanaman tertinggi di Perlis direkodkan oleh tanaman padi sebanyak RM222.18 juta, diikuti oleh buah-buahan dan getah masing-masing sebanyak RM42.67 juta dan RM35.37 juta.



Paparan 42: Kuantiti Jualan Subsektor Tanaman, Perlis, 2023



Paparan 43: Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Perlis, 2023



5.2.5 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Perlis pada tahun 2023 adalah RM828.57 juta. Pendapatan subsektor tanaman Perlis merekodkan RM520.42 ribu. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, RM480.40 juta (92.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM40.02 juta (7.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Tiga tanaman yang mencatatkan rekod pendapatan tertinggi di Perlis adalah padi sebanyak RM309.46 juta, diikuti oleh

buah-buahan sebanyak RM106.33 juta dan getah sebanyak RM47.91 juta.



Paparan 44: Pendapatan Subsektor Tanaman, Perlis, 2023




5.2.6 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian bagi Perlis pada tahun 2023 adalah RM388.82 juta, iaitu 0.57 peratus daripada jumlah perbelanjaan Malaysia. Perbelanjaan subsektor tanaman di Perlis merekodkan nilai sebanyak RM223.23 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM207.19 juta (89.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM16.04 juta (10.8%). Tanaman padi mencatatkan nilai perbelanjaan tertinggi di Perlis iaitu sebanyak RM134.52 juta, dan diikuti oleh

tanaman buah-buahan dan getah masing-masing sebanyak RM46.84 juta dan RM19.83 juta.



Paparan 45: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Perlis, 2023



5.2.7 SOROTAN TIGA JENIS TANAMAN TERATAS, PERLIS, 2023

Padi, kelapa sawit dan mangga merupakan antara jenis tanaman utama yang menyumbang secara signifikan kepada pengeluaran hasil pertanian di Perlis. Tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, iaitu sebanyak 12,409 pegangan, diikuti oleh tanaman kelapa sawit dengan 70 pegangan pertanian. Seterusnya, tanaman mangga merekodkan sebanyak 2,969 pegangan pertanian yang melibatkan pelbagai pengusaha, khususnya dalam subsektor tanaman buah-buahan.

Dari segi keluasan bertanam, tanaman padi direkodkan seluas 49.4 ribu hektar, mencerminkan peranannya sebagai sumber makanan ruji negara. Tanaman kelapa sawit pula meliputi keluasan 0.8 ribu hektar, tertumpu di beberapa kawasan tertentu. Sementara itu, tanaman mangga diusahakan seluas 1.1 ribu hektar, menunjukkan perkembangan berterusan dalam subsektor buah-buahan tempatan.

Keluasan bertuai bagi tanaman padi merekodkan sebanyak 44.9 ribu hektar, diikuti oleh tanaman kelapa sawit yang mencatatkan keluasan tuaian sebanyak 0.7 ribu hektar, manakala keluasan tuaian bagi tanaman mangga adalah 1.1 ribu hektar. Ini menggambarkan hasil tuaian yang aktif bagi setiap komoditi di kawasan yang telah mencapai peringkat matang. Kuantiti pengeluaran tanaman padi menghasilkan 186.6 ribu tan metrik, diikuti oleh tanaman kelapa sawit yang mencatatkan nilai 15.7 ribu tan metrik, manakala tanaman mangga mencatatkan pengeluaran sebanyak 1.4 ribu tan metrik. Setiap hasil tanaman ini memainkan peranan dalam memenuhi keperluan

tempatan serta menambah bekalan bagi pasaran di Perlis.

Kuantiti jualan tertinggi bagi tanaman adalah padi dengan 162.8 ribu tan metrik hasil jualan. Tanaman kelapa sawit mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 15.7 ribu tan metrik, manakala tanaman mangga merekodkan 1.1 ribu tan metrik hasil jualan. Hasil yang diperoleh daripada setiap tanaman ini menjadi sumber penting dalam memenuhi keperluan domestik dan pasaran tempatan. Tanaman padi juga merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM222.18 juta, memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan petani dan sektor pertanian negara. Tanaman kelapa sawit pula mencatatkan nilai jualan sebanyak RM14.25 juta, manakala tanaman mangga menghasilkan nilai jualan berjumlah RM21.34 juta. Tanaman padi pula mencatatkan sejumlah RM309.46 juta pendapatan bagi sektor tanaman di Perlis pada tahun 2023, diikuti oleh tanaman mangga sebanyak RM26.28 juta dan tanaman kelapa sawit iaitu sebanyak RM16.47 juta. Sejumlah RM134.52 juta telah direkodkan oleh tanaman padi bagi jumlah pendapatan sektor tanaman ini, diikuti oleh tanaman mangga iaitu RM10.51 juta dan tanaman kelapa sawit sebanyak RM4.87 juta. Setiap komoditi ini memberikan pulangan yang penting kepada ekonomi tempatan dan nasional.

Paparan 46: Parameter Utama Subsektor Tanaman bagi Tiga Jenis Tanaman Teratas, Perlis, 2023

		 PADI	 MANGGA	 KELAPA SAWIT
	Pegangan Pertanian	12,409	2,969	70
	Keluasan Bertanam (Ha)	49.4	1.1	0.8
	Keluasan Bertuai (Ha)	44.9	1.1	0.7
	Kuantiti Pengeluaran (mt)	186.6	1.4	15.7
	Kuantiti Jualan (mt)	162.8	1.1	15.7
	Nilai Jualan (RM juta)	222.18	21.34	14.25
	Pendapatan (RM juta)	309.46	26.28	16.47
	Perbelanjaan (RM juta)	134.52	10.51	4.87

5.3 TERNAKAN

Aktiviti ternakan merangkumi aktiviti pembiakan dan pemeliharaan haiwan atau binatang untuk tujuan pengeluaran daging, susu, telur dan hasil ternakan lain. Ternakan juga adalah segala urusan berkaitan pemeliharaan haiwan dengan tujuan untuk dimakan dan dijual. Aktiviti ternakan dibahagikan kepada dua kategori iaitu ternakan dan hasil ternakan. Ternakan ialah semua haiwan dan binatang, unggas dan serangga yang dipelihara untuk tujuan komersial dan pembiakbakaan kecuali haiwan akuatik dan haiwan peliharaan


seperti anjing dan kucing. Manakala hasil ternakan merujuk kepada pengeluaran yang dihasilkan secara langsung daripada ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya. Ternakan merupakan aktiviti kedua terbesar berdasarkan bilangan pengusaha di Perlis selepas aktiviti tanaman. Haiwan atau binatang ternakan utama yang ditenak di Perlis termasuklah lembu, kambing, ayam, itik, bebiri dan kerbau. Bagi hasil ternakan yang terdapat di Perlis adalah seperti telur ayam/ itik, sarang burung walit, susu segar dan madu kelulut.

5.3.1 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran Perlis bagi subsektor ternakan pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 2,203.1 ribu ekor, 15.2 ribu ekor diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 2,187.9 ribu ekor diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran tertinggi direkodkan oleh ternakan ayam iaitu 2,192.7 ribu ekor, diikuti oleh kambing dan lembu dengan masing-masing 4.0 ribu dan 2.6 ribu ekor.



Paparan 47: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Perlis, 2023




5.3.2 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan Perlis bagi subsektor ternakan pada tahun 2023 mencatatkan 2,190.6 ribu ekor. Daripada jumlah tersebut, 10.6 ribu ekor diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 2,180.0 ribu ekor diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh ternakan ayam iaitu 2,182.7 ribu ekor, diikuti oleh kambing dan lembu dengan masing-masing mengeluarkan 2.7 ribu dan 2.3 ribu ekor. Sementara itu, nilai jualan Perlis bagi subsektor ternakan direkodkan RM44.45 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang RM6.18 juta (13.9%) kepada


nilai jualan sektor ternakan di Perlis dan selebihnya oleh pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM38.27 juta (86.1%). Nilai jualan bagi sektor ternakan tertinggi di Perlis direkodkan oleh ayam sebanyak RM29.96 juta, diikuti oleh lembu dan kambing masing-masing sebanyak RM11.83 juta dan RM2.09 juta.



Paparan 48: Kuantiti Jualan Subsektor Ternakan, Perlis, 2023



Paparan 49: Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Perlis, 2023



5.3.3 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi Perlis pada tahun 2023 adalah RM828.57 juta. Pendapatan subsektor ternakan Perlis merekodkan RM90.41 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor ternakan ini, RM7.86 juta (8.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala RM82.55 juta (91.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Tiga ternakan yang mencatatkan rekod pendapatan tertinggi di Perlis adalah ayam sebanyak RM73.90 juta, diikuti oleh lembu

sebanyak RM13.10 juta dan kambing sebanyak RM2.76 juta.



Paparan 50: Pendapatan Subsektor Ternakan, Perlis, 2023



5.3.4 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian bagi Perlis pada tahun 2023 adalah RM388.82 juta, iaitu 0.57 peratus daripada jumlah perbelanjaan Malaysia. Perbelanjaan subsektor ternakan di Perlis merekodkan nilai sebanyak RM81.21 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor ternakan ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM4.23 juta (5.2%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM76.98 juta (94.8%). Ternakan ayam mencatatkan nilai perbelanjaan tertinggi di Perlis iaitu sebanyak RM73.66 juta, dan diikuti oleh

ternakan lembu dan kambing sebanyak RM5.48 juta dan RM1.65 juta masing-masing.



Paparan 51: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Perlis, 2023



5.3.5 SOROTAN TIGA JENIS TERNAKAN TERATAS, PERLIS, 2023

Dalam kalangan ternakan yang diusahakan, ayam, lembu dan kambing merupakan antara jenis ternakan utama yang memberi sumbangan signifikan kepada pengeluaran hasil ternakan negara. Ternakan ayam mencatatkan bilangan pegangan pertanian dengan sebanyak 87 bilangan pegangan pertanian manakala ternakan lembu, sebanyak 264 bilangan pegangan pertanian yang

terlibat. Seterusnya, ternakan kambing merekodkan 315 bilangan pegangan pertanian, melibatkan pelbagai pengusaha yang memberi tumpuan kepada haiwan ternakan. Kuantiti pengeluaran ternakan ayam menghasilkan nilai tertinggi iaitu sebanyak 2,192.7 ribu ekor, diikuti oleh ternakan kambing yang mencatatkan nilai 4.0 ribu ekor, dan ternakan lembu mencatatkan pengeluaran sebanyak 2.6

ribu ekor. Setiap hasil ternakan ini memainkan peranan dalam memenuhi keperluan tempatan serta menambah bekalan bagi pasaran di Perlis.

Dari segi kuantiti jualan, ternakan ayam telah mengeluarkan sebanyak 2,182.7 ribu ekor hasil jualan. Ternakan kambing mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 2.7 ribu ekor, manakala ternakan lembu menghasilkan 2.3 ribu ekor. Hasil yang diperoleh daripada setiap ternakan ini menjadi sumber penting dalam memenuhi keperluan domestik dan pasaran tempatan. Ternakan ayam juga merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu

RM29.96 juta, memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan petani dan sektor pertanian negara. Ternakan lembu pula mencatatkan nilai jualan sebanyak RM11.83 juta, manakala ternakan kambing menghasilkan nilai jualan berjumlah RM2.08 juta.

Dari segi pendapatan, ternakan ayam telah mengeluarkan sebanyak RM73.90 juta, diikuti oleh ternakan lembu (RM13.10 juta) dan kambing (RM2.76 juta). Perbelanjaan ternakan ayam mendominasi dengan nilai RM73.66 juta diikuti oleh ternakan lembu dengan RM5.48 juta dan seterusnya kambing dengan RM1.65 juta.

Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Ternakan bagi Tiga Jenis Ternakan Teratas, Perlis, 2023

	 AYAM	 LEMBU	 KAMBING
 Pegangan Pertanian	87	264	315
 Kuantiti Pengeluaran ('000 ekor)	2,192.7	2.6	4.0
 Kuantiti Jualan ('000 ekor)	2,182.7	2.3	2.7
 Nilai Jualan (RM juta)	29.96	11.83	2.08
 Pendapatan (RM juta)	73.90	13.10	2.76
 Perbelanjaan (RM juta)	73.66	5.48	1.65

5.4 PERIKANAN TANGKAPAN

Perikanan merupakan salah satu aktiviti penting bagi sektor pertanian di Malaysia. Subsektor perikanan menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk di sekitar kawasan pantai. Perikanan membekalkan sumber protein yang utama dan mudah didapati di pasaran. Di Malaysia, Subsektor Perikanan telah dimajukan dan dipantau oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Manakala Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membantu memasarkan produk atau hasil perikanan. Subsektor perikanan di Perlis secara keseluruhannya melibatkan lima zon iaitu Zon A, Zon B, Zon C, Zon C2 dan Zon Darat. Kuala Perlis merupakan kawasan tumpuan utama bagi aktiviti ini di mana ia berfungsi sebagai pusat pendaratan ikan


dan tempat jualan hasil laut. Aktiviti perikanan tangkapan di Perlis mencatatkan jumlah pengeluaran 21.5 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 21.5 ribu tan metrik, bersamaan 98.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.3 ribu tan metrik atau hanya 1.3 peratus. Kuantiti jualan pula merekodkan 21.7 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 21.4 ribu tan metrik (98.6%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.3 ribu tan metrik (1.4%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM179.15 juta.

5.4.1 KUANTITI PENGELUARAN

Subsektor perikanan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 21.7 ribu tan metrik dan aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 21.5 ribu tan metrik, bersamaan 98.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Bagi pegangan pertanian individu, Perlis mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 10.5 ribu tan metrik bersamaan 48.8 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran perikanan tangkapan. Manakala baki 11.0 ribu tan metrik (51.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan bagi aktiviti perikanan tangkapan laut ini.



Paparan 53: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023



5.4.2 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Dari segi kuantiti jualan, aktiviti perikanan di Perlis mencatatkan jumlah 21.7 ribu tan metrik bersamaan 1.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan di Malaysia bagi tahun 2023. Kuantiti jualan ini turut dibahagikan kepada dua aktiviti utama iaitu aktiviti perikanan tangkapan laut yang merekodkan 21.4 ribu tan metrik (98.7%)




dan aktiviti perikanan tangkapan darat yang menyumbang 1.3 peratus, iaitu bersamaan 0.3 ribu tan metrik daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan bagi subsektor perikanan di Perlis. Jumlah kuantiti jualan bagi pegangan pertanian individu pada tahun 2023 adalah 10.5 ribu tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan menyumbang 10.4 ribu tan metrik atau 99.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan pegangan pertanian individu di Perlis. Ini menunjukkan aktiviti perikanan tangkapan mencapai peratusan yang lebih tinggi bagi pegangan pertanian individu berbanding subsektor akuakultur. Subsektor perikanan tangkapan bagi pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan jumlah kuantiti jualan sebanyak 11.2 ribu tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan menyumbang jumlah kuantiti jualan yang lebih tinggi berbanding subsektor akuakultur iaitu sebanyak 11.0 ribu tan metrik atau 97.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan.

Nilai jualan subsektor perikanan di Perlis pada tahun 2023 adalah RM 185.79 juta. Ini menunjukkan subsektor perikanan mencapai 3.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan di Malaysia. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM97.21 juta (52.3%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu RM88.6 juta (47.7%). Bagi perikanan tangkapan laut mencatatkan nilai jualan RM179.2 juta manakala perikanan tangkapan darat pula memperoleh nilai jualan sebanyak RM6.64 juta dimana masing-masing mencapai 96.4 peratus dan 3.6 peratus. Pegangan pertanian individu bagi subsektor perikanan menunjukkan nilai jualan RM88.58 juta atau 47.7 peratus daripada jumlah nilai jualan. Nilainya lebih kecil berbanding nilai jualan bagi pegangan


pertanian pertubuhan. Perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan RM87.96 juta (99.3%). Ini diikuti oleh aktiviti perikanan tangkapan darat iaitu RM0.62 juta (0.7%). Nilai jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah RM97.21 juta. Daripada jumlah keseluruhan nilai jualan, RM91.19 juta (1.5%) merupakan perikanan tangkapan, manakala baki RM6.02 juta (98.5%) merupakan subsektor akuakultur.



Paparan 54: Kuantiti Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023



Paparan 55: Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023




5.4.3 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM186.43 bilion. Daripada jumlah ini, Perlis menyumbang jumlah pendapatan sebanyak RM0.83 bilion (0.4%). Sektor perikanan di Perlis menyumbang jumlah pendapatan sebanyak RM190.19 juta. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM183.48 juta bersamaan 96.5 peratus, manakala, perikanan tangkapan darat adalah RM6.72 juta (3.5%). Pegangan pertanian individu bagi subsektor perikanan menunjukkan jumlah pendapatan RM92.63 juta. Daripada jumlah pendapatan tersebut, aktiviti perikanan tangkapan laut menyumbang RM91.98 juta jumlah pendapatan atau 99.3 peratus. Aktiviti akuakultur pula mencatatkan RM0.65 juta (0.7%). Ini menunjukkan pendapatan perikanan tangkapan laut lebih tinggi



berbanding akuakultur bagi pegangan pertanian individu. Jumlah pendapatan bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah RM97.56 juta. Daripada jumlah keseluruhan pendapatan, RM91.50 juta (93.8%) merupakan perikanan tangkapan, manakala baki RM6.06 juta (6.2%) merupakan subsektor akuakultur.

Paparan 56: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023




5.4.4 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan keseluruhan subsektor perikanan bagi Perlis pada tahun 2023 mencecah RM73.10 juta. Daripada jumlah ini, RM35.54 juta (48.6%) merupakan pegangan pertanian individu manakala RM37.56 juta (51.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah keseluruhan pegangan perikanan ini, RM35.43 juta (99.7%) adalah aktiviti perikanan tangkapan individu. Baki selebihnya sebanyak RM0.10 juta (0.3%) disumbangkan oleh aktiviti akuakultur. Ini menunjukkan aktiviti perikanan tangkapan mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding perbelanjaan subsektor akuakultur. Selain itu, rekod perbelanjaan pegangan perikanan pertubuhan bagi aktiviti perikanan tangkapan menyumbang RM34.86 juta (92.8%) manakala baki RM2.71 juta (7.2%) merupakan aktiviti akuakultur.



Paparan 57: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023



5.5 AKUAKULTUR

Akuakultur merupakan antara subsektor pertanian yang terdapat di perairan darat. Akuakultur merangkumi benih ikan yang dibiak dan ikan yang dipelihara melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya (Akta Perikanan, 1985). Perikanan akuakultur amat penting dalam sektor pertanian supaya bekalan sumber utama protein sentiasa mencukupi dan dapat mengurangkan kebergantungan makanan import selaras dengan meningkatkan

keterjaminan makanan dalam negara. Subsektor akuakultur di Perlis merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 0.3 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran adalah 286.4 ribu ekor dan kuantiti jualan ialah 207.7 ribu. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.64 juta.


5.5.1 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur individu mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 44.1 tan metrik, bersamaan 15.6 peratus daripada keseluruhan jumlah pengeluaran manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula mencatatkan jumlah 128.4 ribu ekor bersamaan 44.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran ini. Manakala, bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, jumlah keseluruhan pengeluaran ialah sebanyak 237.1 tan metrik, bersamaan

84.3 peratus jumlah keseluruhan dan 158.0 ribu ekor bersamaan 55.2 peratus pada tahun 2023.



Paparan 58: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023



5.5.2 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Dari segi kuantiti jualan, aktiviti akuakultur di Perlis mencatatkan jumlah 276.0 tan metrik bersamaan 1.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur pada tahun 2023. Daripada jumlah kuantiti jualan ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 40.8 tan metrik daripada jumlah keseluruhan aktiviti akuakultur di Perlis. Manakala, baka & benih dan ikan hiasan pula merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 56.5 ribu ekor. Subsektor akuakultur bagi pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan jumlah kuantiti jualan sebanyak 235.2 tan metrik. Subsektor ini turut menyumbang jumlah kuantiti jualan sebanyak 151.2 ribu ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan di Perlis ini. Secara keseluruhannya, kuantiti jualan akuakultur menyumbangkan nilai yang lebih kecil berbanding perikanan tangkapan darat iaitu sebanyak 2.1 peratus.

Sementara itu, nilai jualan subsektor akuakultur di Perlis pada tahun 2023


adalah RM6.64 ribu. Subsektor ini mencapai 0.1 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan di Malaysia. Jumlah ini dilihat mempunyai amaun yang lebih kecil daripada jumlah jualan bagi aktiviti perikanan tangkapan. Pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur menunjukkan nilai jualan RM0.62 ribu atau 0.7 peratus daripada jumlah nilai jualan. Nilainya lebih kecil berbanding nilai jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu sebanyak RM6.02 ribu. Daripada jumlah keseluruhan nilai jualan ini, subsektor akuakultur menyumbang 6.2 peratus daripada nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan.



Paparan 59: Kuantiti Jualan Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023



Paparan 60: Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023




5.5.3 PENDAPATAN

Jumlah keseluruhan pendapatan sektor pertanian bagi Perlis pada tahun 2023 adalah sebanyak RM828.57 juta. Daripada jumlah tersebut, sektor perikanan menyumbang sebanyak RM185.79 juta, bersamaan 22.4 peratus daripada keseluruhan pendapatan sektor pertanian negeri. Bagi subsektor akuakultur, jumlah pendapatan yang direkodkan ialah RM6.06 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM0.65 juta (9.7%) melalui aktiviti akuakultur. Ini menunjukkan bahawa pendapatan daripada perikanan tangkapan laut adalah lebih tinggi berbanding perikanan darat dalam kalangan pegangan pertanian individu. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan pendapatan sebanyak RM6.06 juta (90.3%) bagi subsektor akuakultur pada tahun 2023, yang memperlihatkan

sumbangan lebih signifikan oleh pertubuhan dalam menjana hasil subsektor ini.



Paparan 61: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023




5.5.4 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan subsektor akuakultur bagi Perlis pada tahun 2023 mencecah RM2.81 juta. Daripada jumlah ini, RM0.10 juta (3.7%) merupakan pegangan pertanian individu manakala RM2.71 juta atau 96.3 peratus merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu, RM35.43 juta (99.7%) adalah aktiviti perikanan tangkapan manakala selebihnya iaitu RM0.10 juta (0.3%) disumbangkan oleh aktiviti akuakultur. Ini menunjukkan aktiviti perikanan tangkapan mempunyai nilai yang lebih tinggi bagi perbelanjaan subsektor akuakultur.

Selain itu, rekod perbelanjaan pegangan pertanian pertubuhan menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM37.56 juta. Daripada jumlah perbelanjaan nilai ini, aktiviti akuakultur mencatatkan RM2.71 juta (7.2%). Selebihnya disumbangkan oleh aktiviti perikanan tangkapan sebanyak 92.8 peratus.



Paparan 62: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023



5.6 PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor Perhutanan & Pembalakan memainkan peranan penting dalam pembangunan mampan sesebuah negara, terutamanya dalam memastikan kelestarian sumber asli serta keseimbangan ekosistem khususnya bagi sesebuah negeri. Walaupun Perlis merupakan negeri yang mempunyai keluasan kawasan perhutanan yang terkecil di Malaysia, aktiviti perhutanan & pembalakan tetap menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Perlis. Bukan sahaja penting dari aspek ekonomi tetapi turut menyediakan habitat kepada

pelbagai spesies flora dan fauna serta perlindungan biodiversiti, pemeliharaan sumber air dan pengawalan perubahan iklim. Subsektor ini meliputi aktiviti kutipan hasil hutan dan aktiviti penebangan pokok. Aktiviti kutipan hasil hutan biasanya dijalankan oleh individu yang bekerja secara sepenuh masa mahupun secara separuh masa. Antara spesies hasil hutan yang terdapat di Perlis ialah Daun Palas, Daun Nipah, Rebung dan Daun Rokok. Manakala, aktiviti pembalakan pula hanya meliputi Kayu Jati, Kayu Hujan-Hujan dan Kayu Getah.


5.6.1 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan & perhutanan di Perlis pada tahun 2023 adalah sebanyak 80.3 ribu meter padu dan 1.8 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, hanya pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti ini dan merekodkan hasil sebanyak 80.3 ribu meter padu. Manakala, bagi kuantiti pengeluaran bagi hasil bukan kayu

pula direkodkan 1.8 tan metrik oleh pegangan pertanian individu.



Paparan 63: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023



5.6.2 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 80.3 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, hanya pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 80.3 ribu meter padu. Manakala kuantiti jualan bagi hasil bukan kayu pula direkodkan 0.9 tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Sementara itu, nilai jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan di Perlis pada tahun 2023 adalah RM27.24 juta. Ini menunjukkan subsektor ini mencapai 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan di Malaysia. Pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan menunjukkan nilai jualan RM0.07 juta, bersamaan dengan 0.02


peratus daripada jumlah nilai jualan. Nilainya lebih kecil berbanding nilai jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan kerana subsektor ini kebanyakannya diusahakan oleh pertubuhan di Perlis. Nilai jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah RM27.23 juta. Daripada jumlah keseluruhan nilai jualan, subsektor ini menyumbang 99.98 peratus. Ini menunjukkan pertubuhan secara majoriti terlibat dalam aktiviti perhutanan & pembalakan.



Paparan 64: Kuantiti Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023



Paparan 65: Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023



5.6.3 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM186.43 bilion. Daripada jumlah ini, Perlis menyumbang jumlah pendapatan sebanyak RM0.83 bilion (0.4%). Sektor perhutanan & pembalakan di Perlis menyumbang jumlah pendapatan sebanyak RM27.55 juta. Pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan menunjukkan jumlah pendapatan RM0.05 juta. Ia menyumbang 0.2 peratus sahaja. Manakala, pegangan pertanian pertubuhan bagi subsektor perhutanan &



pembalakan direkodkan sebanyak RM27.50 juta bersamaan 99.8 peratus.

Paparan 66: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023




5.6.4 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM67.89 bilion. Daripada jumlah ini, Perlis merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM0.39 bilion (0.6%). Sektor perhutanan & pembalakan di Perlis menyumbang jumlah perbelanjaan sebanyak RM11.28 juta. Pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan menunjukkan jumlah perbelanjaan RM1.77 ribu. Ia menyumbang 0.1 peratus sahaja.

Manakala, pegangan pertanian pertubuhan bagi subsektor perhutanan & pembalakan direkodkan sebanyak RM11.28 juta bersamaan 99.9 peratus.



Paparan 67: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023





RENCANA

85

Sosioekonomi Negeri Perlis

88

Harumanis Warisan Emas Hijau

91

Padi Nadi Keterjaminan Makanan

SOSIOEKONOMI NEGERI PERLIS

Cik Maryam Abidah Hanim binti Mohd Hazni
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis

Pendahuluan

Ekonomi Perlis dipacu oleh beberapa sektor utama iaitu sektor pertanian, perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian. Sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama dalam landskap sosioekonomi Perlis. Meskipun Perlis merupakan negeri terkecil di Malaysia dari segi keluasan, namun sektor pertanian masih memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan penduduk luar bandar serta menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Sektor pertanian di Perlis merangkumi beberapa subsektor utama seperti tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan. Antara aktiviti pertanian yang paling dominan di negeri ini ialah penanaman padi. Peningkatan aktiviti penanaman padi telah menjadikan Perlis sebagai salah satu kawasan utama pengeluaran beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Selain itu, aktiviti penternakan seperti ternakan lembu, kambing dan ayam, serta kegiatan perikanan darat dan laut turut menyumbang kepada bekalan sumber makanan serta pendapatan komuniti setempat.



Peranan Penanaman Padi dalam Menyokong Bekalan Beras Negara

Secara keseluruhannya, sektor pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi Perlis selepas sektor perkhidmatan. Prestasi sektor ini juga menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak 4.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan dalam aktiviti subsektor tanaman, ternakan dan perikanan di negeri ini. Dari segi struktur, subsektor tanaman merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian negeri dengan sumbangan sebanyak 47.3 peratus, diikuti oleh subsektor perikanan sebanyak 39.1 peratus dan subsektor ternakan sebanyak 13.6 peratus. Peningkatan ini turut disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran tanaman padi yang menjadi komoditi utama Perlis. Pengeluaran tanaman di Perlis pada tahun 2023 telah mencatatkan sebanyak 201.4 ribu tan metrik dengan tanaman padi sebagai penyumbang jumlah pengeluaran tertinggi, sekitar 166.2 ribu tan metrik. Hal ini membuktikan bahawa tanaman padi menjadi tulang belakang kepada sektor pertanian di Perlis serta memainkan peranan penting dalam menyokong bekalan beras negara.

Inisiatif dan Sokongan Kerajaan dalam Memperkukuh Sektor Pertanian

Perkembangan sektor pertanian ini juga disokong oleh penggunaan beberapa teknologi pertanian moden, sistem pengairan yang efisien serta pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian di negeri ini. Penggunaan teknologi moden seperti penggunaan dron, sensor tanah dan automasi pengairan di negeri ini telah membantu meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti ladang. Hasil kerjasama daripada agensi seperti Lembaga Kemajuan Petanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut memainkan peranan penting dengan membantu meningkatkan sokongan kepada petani dari segi pengurusan tanah, bantuan pertanian dan peningkatan hasil pengeluaran padi.

Berdasarkan My Local Stats, Perlis mempunyai keluasan tanah sebanyak 813.13 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk 359 orang per kilometer persegi. Jumlah penduduk Perlis pada 2023 dianggarkan 293.1 ribu dengan 96.7 peratus terdiri dari warganegara dan 3.3 peratus adalah bukan warganegara. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan meningkat kepada 1.1 peratus pada 2023 berbanding 0.7 peratus pada 2022. Nisbah jantina adalah 100 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Pada tahun 2023 juga, sektor pertanian mencatatkan sumbangan berjumlah RM 1.1 bilion atau 17.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perlis.

Kesimpulan

Kesimpulannya, sektor pertanian kekal sebagai komponen penting dalam pembangunan sosioekonomi negeri Perlis. Mendepani perkembangan pesat sektor perindustrian dan perkhidmatan di Malaysia, sektor pertanian di negeri ini masih mengekalkan kedudukannya sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Hal ini membuktikan bahawa aktiviti pertanian terus relevan dalam menyokong sumber pendapatan masyarakat luar bandar untuk memastikan kestabilan bekalan makanan negara. Sektor pertanian di Perlis juga berpotensi untuk terus berkembang secara lebih mampan dengan hasil sokongan dasar kerajaan, penerapan teknologi moden serta kerjasama antara agensi berkaitan. Usaha berterusan dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran dijangka mampu memperkukuh lagi peranan sektor ini dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negeri serta meningkatkan kesejahteraan penduduk pada masa hadapan.



Sumber: Laporan Sosioekonomi Perlis

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

1. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Laporan sosioekonomi negeri 2024: Perlis. Jabatan Perangkaan Malaysia
2. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Newsletter Sektor Pertanian di Negeri Perlis. Jabatan Perangkaan Malaysia

HARUMANIS WARISAN EMAS HIJAU

Puan Nur Solehah binti Mohammad Zuki
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis


Pendahuluan

Harumanis atau nama saintifiknya *Mangifera Indica* Linn merupakan sejenis buah mangga yang terkenal dengan aromanya yang kuat dan manis, serta menjadi buah tropika utama yang menjana ekonomi sektor pertanian Perlis. Namun, tanaman ini secara aslinya berasal dari Sungai Nibong, Kuala Selangor dan didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian dengan nombor pendaftaran MA128 pada 28 Mei 1971. Mangga Harumanis mula diperluaskan di Perlis pada tahun 1984 sempena pelaksanaan pertandingan mangga bagi meraikan Hari Peladang Penternak dan Nelayan. Jumlah petani tanaman mangga Harumanis terkini direkodkan seramai 2,693 orang pengusaha yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian.

Keunikan Agroiklim dan Ciri Fizikal Mangga Harumanis

Tanaman mangga Harumanis merupakan varieti mangga tempatan yang sesuai ditanam dan menghasilkan buah secara optimum dan berkualiti premium di Perlis, menjadikannya tanaman yang cukup unik dan eksklusif. Keunikan ini berpunca daripada gabungan faktor geografi dan iklim mikro di Perlis yang panas dan kering, sesuai untuk pertumbuhan pokok serta proses pembungaan mangga Harumanis. Ciri fizikal buah tropika ini juga membezakan daripada mangga lain iaitu buah membulat, penuh dan berparuh dengan bahu ventral yang meninggi, diikuti kulit hijau tua, berdebu dan licin apabila matang, serta berisi tebal dan tiada serat dan isinya berwarna kuning ke jingga.

Menurut laporan Jabatan Pertanian Negeri Perlis, keluasan bertanam dan keluasan berhasil mangga Harumanis tahun 2024 di Perlis masing-masing mencatatkan seluas 1.75 ribu hektar dan 1.61 ribu hektar. Ini menghasilkan pengeluaran tanaman sejumlah 2.50 ribu tan metrik bernilai RM57.44 juta pada tahun tersebut, menjadikannya sebagai pengeluaran kedua tertinggi selepas tahun 2021 yang merekodkan kuantiti pengeluaran 2.53 ribu tan metrik dengan nilai pengeluaran sejumlah RM58.13 juta.



Cabaran dan Prospek Industri Harumanis

Selain aromanya yang kuat dan manis, pengurusan tanaman mangga Harumanis juga istimewa kerana memerlukan penjagaan intensif termasuk pemangkasan, aruhan pembungaan menggunakan hormon PBZ (*Pactiobutrazol*), dan pembalutan buah secara manual untuk menghasilkan buah berkualiti tinggi. Tambahan pula, tempoh pengeluarannya yang singkat iaitu



hanya setahun sekali antara April hingga Jun. Ini menjadikan buah ini mampu mencecah harga ladang sehingga RM30 per kilogram pada tahun ini. Selain itu, pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pengusaha mangga Harumanis antaranya adalah masalah *Insidious Fruit Rot* (IFR) atau reput dalam buah mangga yang menjejaskan kualiti, peningkatan kos input, kelekatan buah yang rendah, serangan perosak, kecurian buah, 70 peratus petani adalah berumur 50 tahun ke atas, penjualan buah kurang matang dan penggunaan nama Harumanis bagi melariskan jualan. Hal ini menjadikannya sebagai

faktor-faktor lain yang mungkin menyebabkan berlaku implikasi terhadap harga jualan mangga Harumanis di peringkat ladang, borong dan runcit. Walaubagaimanapun, buah ini masih menjadi rebutan warga tempatan, malah berjaya dieksport ke luar negara seperti Jepun dan Hong Kong dengan kuantiti keseluruhannya berjumlah 6.67 ribu tan metrik dari tahun 2010 hingga 2018.

Kesimpulan

Dari segi pertanian, mangga Harumanis antara tanaman yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi dan industri pertanian di Perlis. Teknik penanaman dan pengurusan tanaman yang disesuaikan mengikut agroiklim dan keadaan tanah di Perlis telah memastikan ketahanan terhadap periyakit serta menghasilkan buah berkualiti tinggi. Selain itu, penggunaan pendekatan agronomi dan inovasi teknologi genetik dalam pengawalan penyakit turut membantu memastikan kelestarian penanaman. Walaupun terdapat cabaran seperti perubahan iklim dan pembangunan tanah, inisiatif untuk mengamalkan teknik pertanian lestari dan pemantauan persekitaran telah menjadi tumpuan dalam memastikan buah ini terus disemai dan dinikmati oleh generasi akan datang. Justeru, tanaman mangga Harumanis bukan sahaja menjadi simbol kemegahan agroindustri Perlis, malah bukti kehebatan hasil pertanian berasaskan pengurusan berteknologi tinggi di Malaysia.



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

1. Bernama. (2024). Lebih 2,000 Metrik Tan Harumanis Di Perlis Disasarkan Berbuah Musim 2024. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273693>
2. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024). Statistik Tanaman Buah-Buahan 2024. Jabatan Pertanian Malaysia

PADI NADI KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

Cik Nur Amira binti Abdul Aziz

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis

Pendahuluan

Oryza sativa, atau lebih dikenali sebagai padi, merupakan tanaman makanan ruji yang sangat penting dalam kehidupan rakyat Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Di Perlis, sektor penanaman padi memainkan peranan penting dalam menyokong keterjaminan makanan serta ekonomi luar bandar. Dapatan statistik menunjukkan bahawa kawasan Sanglang di bawah Parlimen Arau merekodkan bilangan pengusaha padi tertinggi di negeri ini dengan jumlah 2,151 orang, manakala kawasan Beseri di bawah Parlimen Padang Besar turut mencatatkan bilangan pengusaha padi yang tinggi, iaitu seramai 360 orang. Corak taburan ini mencerminkan tumpuan aktiviti penanaman padi di kawasan tertentu yang mempunyai ciri kesesuaian penanaman padi.

Peranan Penanaman Padi di Negeri Perlis

Peranan padi dalam menjamin keterjaminan makanan negara jelas terbukti apabila tanaman ini menjadi sumber makanan asas kepada majoriti penduduk dan seterusnya berupaya mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan makanan. Selaras dengan perkembangan sektor penanaman padi, taraf hidup golongan petani turut menunjukkan peningkatan. Perkara ini juga sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar. Di samping itu, sektor penanaman padi juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat serta memupuk aktiviti ekonomi sokongan seperti pengangkutan, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian. Kesannya, pembangunan sektor padi bukan sahaja memperkukuh keterjaminan makanan negara, malah turut membantu meningkatkan kestabilan sosioekonomi masyarakat luar bandar secara menyeluruh.



Peranan Strategik Industri Padi

Antara kaedah penanaman yang sering dipraktikkan para pesawah ialah melibatkan tabur terus dan transplantasi; iaitu kaedah melibatkan pemindahan anak benih padi dari tapak semaian ke petak sawah. Selain itu, penggunaan jentera seperti *transplanter* dan *combine harvester* juga digunakan secara meluas di negeri ini. Transformasi sektor padi melalui penggunaan teknologi pertanian pintar dan kaedah penanaman yang lebih efisien ini juga telah meningkatkan produktiviti serta hasil pengeluaran padi di negeri ini.


Proses penanaman padi yang sering diadaptasikan di Perlis kebanyakannya dilakukan secara tradisional, iaitu penanaman padi melibatkan dua musim setahun iaitu musim utama dan luar musim. Musim utama biasanya bermula sekitar Mac hingga April dan dituai pada Ogos atau September manakala, musim kedua bermula sekitar September hingga Oktober, dan hasilnya dituai pada bulan Januari atau Februari tahun berikutnya. Menurut kenyataan media oleh Utusan Malaysia, inisiatif lain daripada kerajaan bagi memaksimumkan pengeluaran hasil padi ialah dengan memperkenalkan konsep Penanaman Padi Lima Musim dalam Dua Tahun yang dilaksanakan di enam lokasi di Perlis, sekitar 4,957 hektar pada Februari 2025. Kesannya, penghasilan hasil padi meningkat di negeri ini sehingga 30 peratus semusim dan dijangka akan menyumbang kepada lebih 15 peratus lagi di masa hadapan.



Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bertempat di Kampung Lat 1000, Simpang Empat, Perlis, merupakan alternatif kerajaan Perlis untuk memodenkan penanaman padi menggunakan teknologi dan pengurusan berskala besar untuk melonjakkan lagi penghasilan hasil padi di tahap yang lebih baik. Projek perintis sejak Mei 2023 di Perlis ini, telah melibatkan keluasan 97.70 hektar dan telah melibatkan keseluruhan seramai 28 orang peserta. Dapatan penulisan oleh laman sesawang MADA, mendapati bahawa hasil daripada pelaksanaan projek ini meningkat daripada 7 tan metrik kepada 10 tan metrik per hektar. Ini membuktikan bahawa, kaedah moden dan penggunaan teknologi ini mampu mengubah sektor padi di negeri ini menjadi lebih baik dan menguntungkan.

Kesimpulan

Namun demikian, disebalik kemajuan yang dicapai, sektor penanaman padi masih berhadapan dengan beberapa cabaran yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pesawah. Antara cabaran utama ialah kelemahan sistem pengairan di sesetengah kawasan yang bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan tanaman padi, malah turut memberi impak negatif terhadap pendapatan pesawah dan kestabilan ekonomi masyarakat setempat. Menurut kenyataan media oleh Utusan Malaysia, kerajaan negeri memerlukan RM200 juta bagi mengatasi isu saliran dan pengairan ini, menjadikan masalah ini sebagai penghalang utama dalam pelaksanaan penanaman padi selama lima kali dalam dua tahun. Selain itu, kos input yang semakin meningkat juga melemahkan proses ini. Menurut laporan akhbar tempatan, harga belian padi yang ditetapkan pada RM1,300 satu tan metrik telah menjejaskan margin keuntungan pesawah. Hal ini demikian kerana, peningkatan kos input seperti baja, racun dan upah pekerja. Secara menyeluruh, padi merupakan nadi utama keterjaminan makanan negara yang bukan sahaja menyumbang kepada bekalan makanan asas dan kestabilan sosioekonomi luar bandar, malah melalui pemodenan teknologi yang berpotensi meningkatkan produktiviti namun berdepan beberapa cabaran yang perlu ditangani secara menyeluruh.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

1. Anuar Che Mat. (2023) Projek SMART SBB MADA Mampu Meningkatkan Pengeluaran Padi Dan Beras Negara - Malaysiaaktif. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/2023/08/projek-smart-sbb-mada-mampu-meningkatkan-pengeluaran-padi-dan-beras-negara/>
2. Noorazura Abdul Rahman. (2025). Pesawah bantah harga belian padi RM1,300 per tan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1346394/pesawah-bantah-harga-belian-padi-rm1300-tan>
3. Program Santai Agro Madani - Penuaian Padi Projek Smart Sbb Mini Sekinchan Mada Kg. Lat 1000. (2023). Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. <https://www.mada.gov.my/?q=2F02&id=9>



JADUAL

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,012,993	98.0	21,189	2.0	1,034,182	100.0
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi Paddy	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah Rubber	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas Pineapple	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf Kenaf	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada Pepper	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko Cocoa	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan Fruits	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain Other Crops	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan Livestocks		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Perlis, 2023
Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Perlis, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	67	95.7	3	4.3	70	100.0
	Padi Paddy	12,387	99.8	22	0.2	12,409	100.0
	Getah Rubber	4,370	100.0	1	0.0	4,371	100.0
	Nanas Pineapple	3	42.9	4	57.1	7	100.0
	Kenaf Kenaf	82	98.8	1	1.2	83	100.0
	Lada Pepper	1	100.0	-	-	1	100.0
	Koko Cocoa	9	100.0	-	-	9	100.0
	Buah-Buahan Fruits	2,914	98.8	36	1.2	2,950	100.0
	Sayur-Sayuran Vegetables	207	95.0	11	5.0	218	100.0
	Tanaman Lain Other Crops	215	98.2	4	1.8	219	100.0
Ternakan Livestocks		596	96.0	25	4.0	621	100.0
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	427	96.0	18	4.0	445	100.0
	Akuakultur Aquaculture	43	82.7	9	17.3	52	100.0
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		5	50.0	5	50.0	10	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 3.0: Profil Pegangan Pertanian Individu, Perlis, 2023

Table 3.0: Individual Agricultural Holdings Profile, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	19,993	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	1	0.0
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	15,006	75.1
	Perempuan <i>Female</i>	4,988	24.9
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	410	2.1
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	3,123	15.6
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	5,386	26.9
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	11,075	55.4
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	18,238	91.2
	Cina <i>Chinese</i>	975	4.9
	India <i>Indian</i>	218	1.1
	Lain-lain <i>Others</i>	562	2.8
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	1,445	7.5
	Berkahwin <i>Married</i>	15,069	78.2
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	2,553	13.2
	Berceraai <i>Divorced</i>	182	0.9
	Berpisah <i>Separated</i>	23	0.1

Jadual 3.0: Profil Pegangan Pertanian Individu, Perlis, 2023 (samb.)

Table 3.0: Individual Agricultural Holdings Profile, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	14	0.1
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	518	2.8
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	487	2.7
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	61	0.3
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	86	0.5
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	152	0.8
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	413	2.3
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	7,285	39.9
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	5,822	31.9
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	3,440	18.8

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 4.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman, Perlis, 2023

Table 4.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Crop Subsector, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	19,239	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	1	0.0
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	14,291	74.3
	Perempuan <i>Female</i>	4,949	25.7
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	374	1.9
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	2,919	15.2
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	5,112	26.6
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	10,835	56.3
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	17,540	91.2
	Cina <i>Chinese</i>	927	4.8
	India <i>Indian</i>	214	1.1
	Lain-lain <i>Others</i>	558	2.9
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	1,342	7.2
	Berkahwin <i>Married</i>	14,476	78.2
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	2,499	13.5
	Berceraai <i>Divorced</i>	179	1.0
	Berpisah <i>Separated</i>	22	0.1

Jadual 4.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman, Perlis, 2023 (samb.)

Table 4.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Crop Subsector, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	14	0.1
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	510	2.9
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	473	2.7
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	59	0.3
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	78	0.4
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	141	0.8
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	383	2.2
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	7,002	40.0
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	5,559	31.7
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	3,305	18.9

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 5.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan, Perlis, 2023

Table 5.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Livestock Subsector, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	596	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	550	92.3
	Perempuan <i>Female</i>	46	7.7
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	22	3.7
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	129	21.6
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	205	34.4
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	240	40.3
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	567	95.1
	Cina <i>Chinese</i>	22	3.7
	India <i>Indian</i>	4	0.7
	Lain-lain <i>Others</i>	3	0.5
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	64	10.7
	Berkahwin <i>Married</i>	467	78.4
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	58	9.7
	Berceraai <i>Divorced</i>	4	0.7
	Berpisah <i>Separated</i>	3	0.5

Jadual 5.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan, Perlis, 2023 (samb.)
Table 5.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Livestock Subsector, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>	Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
	Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	15	2.5
	Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	13	2.2
	Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	4	0.7
	Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	6	1.0
	Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	15	2.5
	STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	36	6.0
	SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	242	40.6
	Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	149	25.0
	Tiada sijil <i>No Certificate</i>	116	19.5

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 6.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan, Perlis, 2023

Table 6.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Fisheries Subsector, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	470	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	465	98.9
	Perempuan <i>Female</i>	5	1.1
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	20	4.3
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	123	26.2
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	176	37.4
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	151	32.1
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	438	93.2
	Cina <i>Chinese</i>	29	6.2
	India <i>Indian</i>	-	-
	Lain-lain <i>Others</i>	3	0.6
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	54	11.5
	Berkahwin <i>Married</i>	384	81.7
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	29	6.2
	Berceraai <i>Divorced</i>	3	0.6
	Berpisah <i>Separated</i>	-	-

Jadual 6.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan, Perlis, 2023 (samb.)
Table 6.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Fisheries Subsector, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	3	0.6
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	7	1.5
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	3	0.6
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	4	0.9
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	4	0.9
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	165	35.1
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	199	42.3
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	85	18.1

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 7.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023

Table 7.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Captured Fisheries Activities, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	427	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	426	99.8
	Perempuan <i>Female</i>	1	0.2
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	17	4.0
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	98	23.0
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	168	39.3
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	144	33.7
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	398	93.2
	Cina <i>Chinese</i>	27	6.3
	India <i>Indian</i>	-	-
	Lain-lain <i>Others</i>	2	0.5
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	48	11.2
	Berkahwin <i>Married</i>	354	82.9
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	23	5.4
	Berceraai <i>Divorced</i>	2	0.5
	Berpisah <i>Separated</i>	-	-

Jadual 7.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023 (samb.)

Table 7.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Captured Fisheries Activities, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	-	-
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	2	0.5
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	-
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	4	0.9
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	146	34.2
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	192	45.0
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	83	19.4

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 8.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur, Perlis, 2023

Table 8.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Aquaculture Activities, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	43	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	39	90.7
	Perempuan <i>Female</i>	4	9.3
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	3	7.0
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	25	58.1
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	8	18.6
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	7	16.3
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	40	93.0
	Cina <i>Chinese</i>	2	4.7
	India <i>Indian</i>	-	-
	Lain-lain <i>Others</i>	1	2.3
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	6	14.0
	Berkahwin <i>Married</i>	30	69.8
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	6	14.0
	Berceraai <i>Divorced</i>	1	2.3
	Berpisah <i>Separated</i>	-	-

Jadual 8.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Akuakultur, Perlis, 2023 (samb.)

Table 8.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Aquaculture Activities, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	3	7.0
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	5	11.6
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	3	7.0
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	4	9.3
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	-	-
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	19	44.2
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	7	16.3
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	2	4.7

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 9.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Perlis, 2023

Table 9.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Forestry and Logging Subsector, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	5	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	4	80.0
	Perempuan <i>Female</i>	1	20.0
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	-	-
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	3	60.0
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	1	20.0
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	1	20.0
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	5	100.0
	Cina <i>Chinese</i>	-	-
	India <i>Indian</i>	-	-
	Lain-lain <i>Others</i>	-	-
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	1	20.0
	Berkahwin <i>Married</i>	3	60.0
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	1	20.0
	Berceraai <i>Divorced</i>	-	-
	Berpisah <i>Separated</i>	-	-

Jadual 9.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Perlis, 2023 (samb.)

Table 9.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Forestry and Logging Subsector, Perlis, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	-	-
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	-	-
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	-
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	-	-
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	2	40.0
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	1	20.0
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	2	40.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 10.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa Sawit mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 10.0: Agricultural Holdings for Oil Palm Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
Johor	50,812	97.0	1,578	3.0	52,390	100.0
Kedah	6,696	93.5	462	6.5	7,158	100.0
Kelantan	2,282	92.4	187	7.6	2,469	100.0
Melaka	2,174	84.4	403	15.6	2,577	100.0
Negeri Sembilan	9,454	95.6	434	4.4	9,888	100.0
Pahang	27,978	97.1	835	2.9	28,813	100.0
Pulau Pinang	2,271	87.7	319	12.3	2,590	100.0
Perak	30,880	97.0	968	3.0	31,848	100.0
Perlis	67	95.7	3	4.3	70	100.0
Selangor	15,861	96.7	540	3.3	16,401	100.0
Terengganu	6,771	97.0	206	3.0	6,977	100.0
Sabah	32,309	93.4	2,283	6.6	34,592	100.0
Sarawak	47,940	97.1	1,454	2.9	49,394	100.0
W.P. Kuala Lumpur	687	83.7	134	16.3	821	100.0
W.P. Labuan	9	100.0	-	-	9	100.0
W.P. Putrajaya	50	100.0	-	-	50	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the locations of agricultural holder's living quarters

Jadual 10.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Perlis, 2023

Table 10.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	67	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	46	68.7
	Perempuan <i>Female</i>	21	31.3
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	-	-
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	12	17.9
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	13	19.4
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	42	62.7
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	54	80.6
	Cina <i>Chinese</i>	10	14.9
	India <i>Indian</i>	1	1.5
	Lain-lain <i>Others</i>	2	3.0
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	3	4.5
	Berkahwin <i>Married</i>	58	86.6
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	4	6.0
	Berceraai <i>Divorced</i>	1	1.5
	Berpisah <i>Separated</i>	1	1.5

Jadual 10.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kelapa Sawit, Perlis, 2023 (samb.)
Table 10.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Oil Palm Crop, Perlis, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	-
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	14	20.9
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	-	-
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	3	4.5
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	1	1.5
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	-	-
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	3	4.5
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	24	35.8
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	7	10.4
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	15	22.4

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. State indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 11.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Getah mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 11.0: Agriculture Holding for Rubber Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
Johor	17,218	99.8	36	0.2	17,254	100.0
Kedah	58,268	99.9	69	0.1	58,337	100.0
Kelantan	58,422	100.0	26	0.0	58,448	100.0
Melaka	6,588	99.7	21	0.3	6,609	100.0
Negeri Sembilan	28,689	99.9	31	0.1	28,720	100.0
Pahang	38,720	99.9	40	0.1	38,760	100.0
Pulau Pinang	623	98.6	9	1.4	632	100.0
Perak	29,527	99.9	30	0.1	29,557	100.0
Perlis	4,370	100.0	1	0.0	4,371	100.0
Selangor	4,278	99.8	9	0.2	4,287	100.0
Terengganu	15,334	99.9	9	0.1	15,343	100.0
Sabah	81,225	100.0	13	0.0	81,238	100.0
Sarawak	42,891	100.0	10	0.0	42,901	100.0
W.P. Kuala Lumpur	674	99.3	5	0.7	679	100.0
W.P. Labuan	18	100.0	-	-	18	100.0
W.P. Putrajaya	65	100.0	-	-	65	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States indicate the locations of agricultural holder's living quarters

Jadual 11.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah, Perlis, 2023

Table 11.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Rubber Crop, Perlis, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	4,369	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	1	0.0
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	2,857	65.4
	Perempuan <i>Female</i>	1,513	34.6
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	53	1.2
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	518	11.9
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	989	22.6
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	2,810	64.3
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	3,651	83.6
	Cina <i>Chinese</i>	538	12.3
	India <i>Indian</i>	14	0.3
	Lain-lain <i>Others</i>	166	3.8
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	214	4.9
	Berkahwin <i>Married</i>	3,534	80.9
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	597	13.7
	Berceraai <i>Divorced</i>	25	0.6
	Berpisah <i>Separated</i>	-	-

Jadual 11.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Getah, Perlis, 2023 (samb.)

Table 11.1: Individual Agricultural Holdings Profile for Rubber Crop, Perlis, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	1	0.0
